

SK Ulu Kukut, terencil namun menyerlah

Sering mencipta kisah baharu dan segar, walaupun kurang dikenali sedikit masa lalu

VB 26.11.2019 16

SK Ulu Kukut sering mencipta kisah baharu dan segar, meskipun sekolah itu agak terencil malah kurang dikenali sedikit masa lalu.

Difahamkan, ia masih dikategorikan sebagai SKM (Sekolah Kurang Murid) sejak ia dibuka sehingga sekarang.

Namun keazaman warga sekolah yang diketuai oleh Guru Besarnya Norawi Hj Kata untuk membuktikan SK Ulu Kukut sebagai permata dalam dunia pendidikan kian terserlah.

Jika sebelum ini pelbagai majlis ilmu diadakan di sini, baru-baru ini suatu lagi kisah sejarah pendidikan dicatatkan.

Para pelajar UMS berkampung di sekolah itu selama dua hari pada 15 dan 16 November, semamata untuk program Pelan Hala Tuju UMS – SK Ulu Kukut Anjakan Minda 2023 dan Program Pendidikan Revolusi Industri 4.0: Gamifikasi serta pelancaran buku Puteri Limau di Ulu Kukut.

Program yang dibuat secara sederhana itu menjadi meriah. Betapa tidak, selain 96 pelajar dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS dan Fakulti Kejuruteraan UMS berkampung di situ, Prof Madya Dr Sabariah Sharif, Dr Mad Noor Mad Japuni dan Dr Soon Singh A/L Bikar Singh.

Tambah menarik dan mengujakan lagi apabila Naib Canselor UMS Prof Chm Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin sanggup meluangkan masa dalam majlis perasmian program pada petang 16 November itu, untuk merasai hangatnya sambutan warga Ulu Kukut dan kampung-kampung sekitarnya.

“Program Pendidikan Revolusi Industri 4.0 ini akan memberi impak besar kepada sekolah dan komuniti kampung di Ulu Kukut dan perkampungan sekitarnya dari segi robotik dan kecanggihan teknologi,” kata Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) Isnaraissah Munirah Majilis, ketika merasmikan program berkenaan.

Isnaraissah yang juga Ahli Parlimen Kota Belud menjelaskan, masyarakat



PAMERAN: Isnaraissah bercakap sesuatu kepada pelajar UMS semasa pameran yang diadakan sempena program itu.



PENERANGAN: Isnaraissah mendengar penerangan pelajar UMS tentang pameran yang mereka adakan. Turut kelihatan Norawi (kana)



TAMU KEHORMAT: Antara VIP yang menghadiri majlis itu. Turut berada dalam gambar, Norawi (dua dari kanan), Muarifin Sufianto (tiga dari kanan), Taufiq dan Munirah.

luar bandar khususnya amat dahagakan ilmu dan setakat ini mereka kurang akses untuk memperolehinya.

Justeru katanya, kesudian UMS memilih SK Ulu Kukut sebagai sekolah rintis untuk program itu amat dihargai.

“Kesudian pelajar UMS untuk ke kawasan luar bandar seperti ini, dan kesungguhan mereka berkongsi ilmu dengan murid-murid di sini sudah pasti menguatkan lagi azam kanak-kanak ini untuk ke menara gading. Selain

sentuhan UMS kepada masyarakat di sini agar mendekati universiti.

“Saya sedia maklum bahawa guru besar sekolah ini adalah orang sastera yang tidak asing lagi di Sabah, namun saya tahu beliau gembira menyambut kehadiran program ini. Jika bidang sains dan teknologi digabungkan dengan sastera pasti menghadirkan impak yang hebat bagi kemenjadian murid,” katanya.

Ketika melancarkan buku Puteri Limau di



GIMIK: Isnaraissah melaksanakan gimik pelancaran program menggunakan dua buah kereta robot yang dikawal oleh telefon bimbit.

Ulu Kukut, Isnaraissah menjelaskan bahawa usaha SK Ulu Kukut dengan kerjasama PSBS (Persatuan Sastera dan Budaya Sabah) mengusahakan penerbitannya layak mendapat pujian, kerana pihak sekolah dilihat benar-benar memartabatkan budaya ilmu.

sesebuah sekolah, apatah lagi SK Ulu Kukut hanyalah sebuah sekolah rendah SKM,” katanya.

Sebelum itu, Taufiq dalam ucapannya berkata, Program Pendidikan Revolusi Industri 4.0: Gamifikasi mampu meningkatkan keyakinan murid di sekolah itu apabila ia diaplikasikan secara menyeluruh di sekolah itu sedikit masa lagi.

Katanya, meskipun SK Ulu Kukut dikategorikan sebagai SKM, tetapi perkara yang amat penting ialah kualiti pendidikan yang dibudayakan di sekolah berkenaan yang terus diperjuangkan dari semasa ke semasa oleh warganya yang tidak mengenal penat lelah.

“Negara kita memerlukan ahli sains, dan tiada siapa pun yang dapat menafikan sumbangan golongan ini untuk kemajuan negara. Bagaimanapun, kita juga

perlu kombinasikan sains dan teknologi dengan bidang lain agar ianya seimbang.

“Saya percaya program ini akan memberi impak positif kepada UMS atas kesungguhan universiti ini turun membantu masyarakat kampung. UMS bukanlah sekadar IPTA yang melahirkan golongan siswazah, tetapi juga sebuah IPTA yang cakna dan prihatin akan keperluan masyarakat,” katanya.

“Penerimaan murid-murid amat membanggakan dan memberangsangkan. Mereka semua melibatkan diri dan bekerjasama dengan baik. Aktiviti yang kami jalankan selama dua hari ini adalah pembelajaran sains dan matematik berasaskan gamifikasi,” kata Timbalan Pengarah Program Christina Halog.

Christina yang berada dalam Semester 1 DPLI, Fakulti Psikologi dan

Pendidikan UMS berkata, antara objektif program berkenaan ialah mahu memastikan pelajar menguasai kemahiran membina permainan digital dan permainan bukan digital dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

“Selain itu, kita berharap agar dapat mengapikasi penggunaan ISD (Instructional Design) dan teknologi multi media dalam gamifikasi, demi kemenjadian murid-murid di sini, dan dalam masa yang sama memberi pendedahan kepada pelajar DPLI menganjurkan program,” katanya.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor UMS Dr Ramzah Dambul, Penolong Pengarah JPN Sabah Muarifin Sufianto Mochoeri, Guru Besar SK Ulu Kukut Norawi Haji Kata dan Munsi Sastera Dewan Ramlie Jusoh.



CHRISTINA HALOG



GAMBAR RAMAI: Isnaraissah (tiga kanan) bergambar bersama dengan murid-murid SK Ulu Kukut. Turut berada dalam gambar, Dr Taufiq (tengah).